

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, March 29, 2019 1:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Lawat Booth Pameran LIMA'19 UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

29 MAC 2019 / 22 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media UKK
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

NAIB CANSELOR LAWAT BOOTH PAMERAN LIMA'19 UUM



UUM ONLINE: Langkawi, 29 Mac - Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah mengadakan lawatan ke booth Universiti Utara Malaysia (UUM) di pameran Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA'19), semalam.

Lawatan dibuat bagi meninjau sambutan pengunjung terhadap booth UUM yang mempamerkan produk-produk penyelidikan UUM di samping beramah mesra dengan petugas-petugas di booth berkenaan.

LIMA'19 merupakan penyertaan julung kali UUM dalam pameran berprestij antarabangsa itu bertujuan mengetengahkan produk UUM khususnya hasil penyelidikan dan kepakaran universiti kepada masyarakat umum.

Penglibatan UUM dalam pameran ini juga merupakan sebahagian langkah pengantarabangsaan serta meningkatkan hubungan UUM dengan industri selaras dengan konsep Malaysia Incorporated yang diperkenalkan oleh YAB Tun Mahathir pada 1983 sebagai "strategi perindustrian" untuk menjalin hubungan simbiotik baharu dan perkongsian antara sektor awam dan swasta.

Ia mencontohi model pembangunan ekonomi Jepun melibatkan perkongsian awam-swasta yang saling menguntungkan dan mensasarkan pelaburan negeri.

Terdahulu booth UUM menerima lawatan Menteri Sumber Manusia, YB M. Kula Segaran, yang turut meninggalkan maklumbalas positif terhadap usaha UUM tersebut serta Menteri Besar Kedah, YAB Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Eddin Syazlee Shith.

Pameran LIMA'19 yang memasuki hari ketiga semalam juga menerima kunjungan istimewa daripada tetamu diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah.

Selain itu, Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad turut hadir dan melawat booth pameran LIMA'19.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.